



## **Hishamuddin Melatah Lagi**

Tan Sri Musa Muhamad letak jawatan kerana tidak bertanding sebagai calon pada pilihanraya umum ke-11. Jawatannya diambil-alih oleh seorang Menteri Muda baru dari Johor, Datuk Hishamuddin Tun Husin merangkap Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Tidak dinafikan ketokohan beliau untuk terpilih sebagai Menteri Pendidikan mungkin secara kebetulan atau sememangnya beliau layak memandangkan kepada keterampilan beliau memegang portfolio sebagai Menteri kebudayaan, belia dan Sukan dahulu.

Mungkin atau secara kebetulan juga nasib Hishamuddin tidak menyebelahnya. Masih teringat semasa beliau baru memegang portfolio Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terjadi satu fenomena mengenai gejala 'bohsia', gejala masalah remaja dan Program Rakan Muda yang mengalami kegagalannya semasa era Ghani Othman dahulu.

Kini, apabila memegang portfolio Menteri Pendidikan, timbul pula gejala 'ganterism di sekolah' yang mengakibatkan 1 kematian kepada seorang pelajar sekolah agama di Negeri Sembilan. Perkara telah berlaku dan mungkin ada sebab-sebab tertentu perkara ini terjadi. Sehingga kini telah lebih 39 kes seumpamanya terjadi dan sehingga kini Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan gagal mengatasi fenomena ini. Soalnya sekarang, apakah tindakan yang diwar-warkan selama ini hanya tinggal perancangan dan apakah baru tidak sampai 1 bulan Hishamuddin mengambil-alih sebagai Menteri Pendidikan mampu mengatasi gejala ini?

Sepertimana biasa dan terdahulu, Hishamuddin hanya pandai menjerit, bersuara tetapi semangat tiada. Yang jelas Hishamuddin masih melatah lagi.

Apakah dengan membuang sekolah 6 pelajar yang terbabit itu dapat menyelesaikan masalah ini atau dengan pembuangan 6 pelajar tersebut akan timbul 6 masalah sosial yang lain?

Dalam soal ini Menteri Pendidikan tidak boleh hanya menuding jari, kesalahan sekolah atau kesalahan guru atau kesalahan ibu bapa atau kesalahan pelajar-pelajar tersebut. Menteri Pendidikan perlu membuat unjukan dan mengkaji sesuatu perkara secara ilmiah dan tidak hanya menuding jari atau ingin menonjolkan diri sebagai pejuang bangsa hanya untuk satu-satu agenda sahaja. Satu kajian mendalam perlu dibuat dan seterusnya perancangan dan pelaksanaan.

Menteri Pendidikan tidak perlu berteriak dan mengugut mana-mana pihak dengan membabitkan pihak Polis didalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang atau dengan menempatkan anggota Polis disekolah-sekolah.

Dari kajian profesional yang diperolehi dari pembaca, untuk mengelakkan gejala 'ganterism di sekolah' ini, ianya sama seperti usaha untuk mengatasi penyakit seperti demam. Kalau nak mengharapkan 'panadol' sahaja tentunya penyakit itu

tidak akan dapat diatasi dan pesakit tentunya tidak akan sembuh. Panadol dimakan dan pesakit juga perlu sokongan luaran untuk mengubati penyakit ini seperti menjaga diet makanan, bersenam dan bergerak aktif. Kalau pesakit itu hanya bergantung kepada ubat sahaja, pasti penyakit itu tidak akan hilang.

Seperti juga dari kajian penyakit mental yang diperolehi dari pembaca, seseroang pesakit mental tidak akan sembuh dan boleh pulan kepada masyarakat dengan hanya memakan ubat sahaja tetapi pesakit mental perlu sokongan-sokongan luaran seperti sahabat handai, kaum keluarga atau masyarakat. Sokongan moral ini penting kerana dengan adanya sokongan moral, pesakit itu dapat menyembuhkan sekurang-kurangnya 30% dari penyakit tersebut selain dari memakan ubat.

Menteri Pendidikan perlu muhasabah diri dengan mengkaji situasi dan persekitaran sistem pendidikan sekolah dan mencari jalan penyelesaian. Didalam soal ini semua pihak melakukan kesalahan dan pelajar hanyalah sebagai pesakit yang memerlukan sokongan moral kerana tindakan pembuangan sekolah tidak menyelesaikan masalah.

Pemantauan dan disiplin perlu dilakukan bermula dari rumah dimana ibu/bapa perlu memainkan peranan yang penting didalam mendidik anak-anak mereka. Pendidikan agama dan sosial yang seimbang amat penting sejak dari rumah lagi. Di sekolah, guru-guru mempunyai cara mereka tersendiri untuk mendidik pelajar-pelajar ini dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Guru-guru disekolah perlu memberi penekanan dan pemahaman peraturan-peraturan sekolah kepada semua pelajar agar mereka mematuhi peraturan-peraturan. Tetapi dari pemantauan yang dilakukan, ibu/bapa mahupun guru-guru sering memberi tekanan atau 'pressure' kepada anak mahupun pelajar-pelajar serta mengugut mereka supaya 'mematuhi peraturan tersebut'. Tindakan membuat ugutan ini akan menimbulkan klimak kepada pemikiran pelajar-pelajar tersebut.

Apabila pihak-pihak tertentu membuat ugutan atau menakut-nakutkan pelajar supaya mematuhi peraturan tersebut, guru Disiplin akan menjadi phobia kepada pelajar-pelajar ini. Tidak hairanlah mereka akan memihak kepada guru Kaunseling berbanding guru Disiplin.

Disekolah, perlu ada sistem pemantauan dan keselamatan yang sesuai bagi memastikan peraturan-peraturan sekolah dipatuhi dan pelajar-pelajar memahaminya tetapi bukan memberi tekanan supaya mereka mesti menerima peraturan tersebut. Selain dari itu, tindakan segelintir Guru Besar untuk mengekalkan atau meningkatkan prestasi sekolah dan menonjolkan keterampilan Guru Besar sebagai pendorong utama apabila prestasi sekolah itu meningkat juga sebahagian dari permasalahan yang timbul. Indeks Prestasi sekolah juga memberikan tekanan kepada pelajar kerana ada Guru-Guru Besar sekolah mempunyai agenda tersendiri untuk mendapat nama.

Tidak hairanlah apabila terbukti terdapat segelintir Guru-Guru Besar yang sengaja menyembunyikan masalah pelajar ini dari pengetahuan umum sehinggalah ianya berlaku kematian dan disiarkan melalui media perdana. Bagaimana pula pihak Kementerian Pendidikan?

Aspirasi Kementerian Kesihatan yang hipokrit dan sasaran yang terlalu tinggi juga menyebabkan berlakunya tekanan kepada pihak sekolah-sekolah sehingga pihak sekolah lupa sejenak mengenai sasaran dan matalamat sekolah dan memencilkan

perkara-perkara yang dianggap kecil seperti masalah disiplin pelajar dan masalah mengenainya.

Dengan beban tugas yang begitu berat dibahu guru-guru di sekolah, ditambah pula dengan sasaran-sasaran yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan makan tekanan mental guru-guru dan pelajar pasti akan berlaku dari masa kesemasa. Selain dari itu sikap endah tidak endah ibu/bapa kepada pelajarn dan sikap anak-anak juga menjadi punca utama. Di mana kini sebahagian ibu/bapa adalah mereka yang bekerja dan anak-anak akan ditinggalkan samada bersedirian atau dengan pembantu rumah ata alasan mereka dah besar dan boleh makan sendiri.

Kesemua aspek ini adalah bukti jelas yang perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak. Kementerian Pendidikan atau Datuk Hishamuddin sendiri tidak perlu menuding jari kepada mana-mana pihak kesalahan siapa tetapi perlu meneliti sistem Pendidikan Negara. Hishamuddin tidak perlu memberikan pelbagai kenyataan pada setiap hari tetapi perlu membuktikannya melalui tindakan yang lebih berkesan. Adakah angka 39 kes sehingga kini akan meningkat lagi atau sebaliknya? Sama-samalah kita perhatikan dan memerhatikan ..... apa yang jelas, tindakan pembuangan 6 pelajar itu bukan jalan terbaik didalam menyelesaikan masalah tersebut.

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.